

13 NOV 1997

Badawi-Amerika

AMERIKA SYARIKAT SEMAKIN ANGKUH DAN HARUS DITOLAK, KATA BADAWI

TENOM, 13 Nov (Bernama) -- Amerika Syarikat kini semakin dikuasai perasaan angkuh dan takbur dengan kehendaknya supaya seluruh dunia tunduk di bawah telunjuknya dan perkara ini tidak patut dibiarkan, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata adalah semakin jelas sikap angkuh dan tidak menghormati orang lain kini semakin menguasai Amerika menerusi tindak-tanduknya yang kerap mencampuri urusan dalam negeri negara lain.

"Tidak ada sebuah negarapun yang mahu melihat campur tangan dari mana-mana pihak dan kitapun tidak mahu mencampuri hal orang lain. Tetapi dalam hal ini ternyata sekali sikap angkuh dan tidak menghormati orang lain Amerika Syarikat," katanya sebelum menghadiri perjumpaan dengan para pemimpin Umno Bahagian Tenom dan Keningau di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan 34 anggota Kongres Amerika Syarikat yang mendukung draf usul kepada kongres mereka agar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta maaf secara terbuka atau meletak jawatan kerana kenyataannya yang disifatkan mereka sebagai anti-Amerika dan anti-Yahudi.

Abdullah yang juga Naib Presiden Umno berkata perbuatan anggota kongres Amerika itu telah menghina rakyat Malaysia dan oleh itu rakyat negara ini sekarang harus berdiri teguh di belakang Dr Mahathir serta menunjukkan sokongan mereka kepada pucuk pimpinan negara.

Sambil berkata Malaysia tidak dapat menerima tindak-tanduk anggota kongres Amerika yang begitu angkuh mahu mencampuri hal negara lain itu, Abdullah mengajak rakyat membantah cubaan untuk membawa draf usul berkenaan kepada kongres Amerika.

"Kita tidak boleh tunduk kepada sebarang tekanan daripada kuasa luar seperti ini kerana kita negara berdaulat. Kerajaan hanya boleh tunduk kepada rakyat negaranya sendiri kerana merekalah yang memilih pemimpin menerusi pilihan raya," katanya lagi.

Mengenai siasatan yang hendak dibuat Amerika terhadap Petronas berhubung pelaburannya di Iran, Abdullah berkata seorang pegawai Amerika akan tiba di Kuala Lumpur pada 18 Nov untuk menemui pegawai Kementerian Luar.

Tujuan pertemuan itu ialah bagi menjelaskan akta Amerika mengenai sekatan terhadap Iran dan Libya, katanya. -- BERNAMA

KG NMO